

01/10/2002

Tiga calon Jawatankuasa Pusat Gerakan tarik diri

KUALA LUMPUR, Isnin - Tiga calon ahli Jawatankuasa Pusat (CC) Pemuda Gerakan, hari ini menarik diri daripada pemilihan pergerakan itu yang akan diadakan Jumaat ini.

Setiausaha Kerja Pemuda Gerakan, Nicholas Lee Kin Hong, berkata mereka yang menarik diri ialah Ooi Liang Chye (Pulau Pinang), Lim Ban Seng (Melaka) dan Choo Yin Cheong (Perak).

Sehubungan itu, beliau berkata, 12 calon ahli CC yang lain menang tanpa bertanding.

Mereka ialah Victor Choo Hock Chuan dan Hoo Saw Ho (Selangor), Vincent Hooi Wy-Hon dan G Krishnan (Perak), Ong Soon Gnee (Kedah), Lim Si Pin (Kuala Lumpur), Tham Pook Loong (Pahang), Chai Tek Loong dan Yee Foot Kong (Negeri Sembilan), Ou Kwee Hua dan Tong Kim Chuang (Johor) serta Ong Khang Woon (Kelantan).

Setakat ini, tiada calon menarik diri daripada pertandingan CC Wanita Gerakan dan badan induk. Pemilihan CC Wanita Gerakan akan diadakan Jumaat ini manakala pemilihan bagi CC badan induk ialah Sabtu ini.

Gerakan akan mengadakan Persidangan Perwakilan Nasional (NDC) pada 5 dan 6 Oktober ini yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pemuda dan Wanita Gerakan pula akan mengadakan NDC 4 Oktober ini.